

25/03/2002

Lawatan PM perkukuh hubungan diplomatik

Kadir Dikoh

SUBANG, Ahad - Lawatan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ke Russia, Jerman dan Poland penting bagi hubungan diplomatik dan perdagangan ketiga-tiga negara itu dengan Malaysia pada masa akan datang.

Perdana Menteri menjelaskan, hubungan Malaysia dengan tiga negara itu semakin rapat dan rakyat tempatan perlu menerokainya sama ada untuk memperluaskan perniagaan atau melancong, supaya rakyat mereka juga turut berbuat demikian ke negara ini.

"Kita dapati kerajaan di tiga negara ini memberi sambutan baik dan sedia untuk berunding. Mereka juga mendengar pendapat kita mengenai masalah antarabangsa dan dua hala terutama bagaimana dapat meningkatkan hubungan serta kesan daripada hubungan kita," katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar sebaik tiba daripada lawatan sembilan hari ke negara Eropah terbabit di pangkalan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) di sini hari ini.

Ketibaan Perdana Menteri dan isteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali disambut oleh Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan beberapa orang kenamaan lain.

Mengenai lawatannya ke Russia, Dr Mahathir berkata lebih ramai lagi pelajar Malaysia mungkin boleh dihantar ke sana bagi menuntut ilmu dalam bidang perubatan.

"Saya dapati ramai juga penuntut kita belajar di sana, semuanya dalam bidang perubatan dan mereka menguasai bahasa Russia. Seperti biasa, bagi penuntut Melayu bilangan yang banyak ialah wanita. Mereka ke sana dengan belanja sendiri," katanya.

Di Jerman, Perdana Menteri sempat membuat lawatan ke beberapa syarikat gergasi termasuk Mercedes-Benz dan Siemens yang menyatakan hasrat untuk meningkatkan pelaburan di Malaysia.

Katanya, Canselor Jerman, Gerhard Schroder serta pemimpin Bavaria, sebuah negeri terkaya dalam republik persekutuan Jerman, masing-masing melahirkan minat meningkatkan hubungan dengan Malaysia.

Di Poland pula, peluang perniagaan terbuka kepada usahawan Malaysia dan negara itu juga amat cantik dan sesuai dilawati pelancong Malaysia.

Dr Mahathir berkata, rombongannya yang terdiri daripada ahli perniagaan, pegawai kerajaan dan mufti berpeluang menunaikan solat Jumaat bersama-sama umat Islam di Russia dan Poland.

"Pegangan umat Islam di Poland masih kukuh walaupun berada di bawah pemerintahan komunis sekian lama.

Mereka inginkan hubungan lebih rapat dengan orang Malaysia terutama dengan alim ulama di sini," katanya.

(END)